



**PENGLIBATAN IBU BAPA, KEMUDAHAN FIZIKAL DAN KOMPETENSI
GURU DENGAN PENCAPAIAN MURID BERKEPERLUAN KHAS INKLUSIF
PENUH DALAM MATA PELAJARAN REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI**

Oleh

NORHASLINDA BINTI ABD RANI

**Tesis dikemukakan ke Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

November 2019

FPP 2019 50

Semua bahan yang terkandung dalam tesis, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya. Penggunaan boleh dibuat daripada apa-apa bahan yang terkandung dalam tesis untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan bahan secara komersial hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada Universiti Putra Malaysia.

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGLIBATAN IBU BAPA, KEMUDAHAN FIZIKAL DAN KOMPETENSI
GURU DENGAN PENCAPAIAN MURID BERKEPERLUAN KHAS INKLUSIF
PENUH DALAM MATA PELAJARAN REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI**

Oleh

NORHASLINDA BINTI ABD RANI

November 2019

Pengerusi : Ts Abdullah Mat Rashid, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pendidikan Inklusif merupakan satu usaha murni dalam menyediakan peluang pendidikan kepada Murid Berkeperluan Khas bagi membolehkan mereka menikmati segala kemudahan belajar di persekitaran normal dan kondusif seperti murid lain tanpa mengira status mereka. Walau bagaimanapun, pencapaian Murid Berkeperluan Khas Inklusif Penuh (MBKIP) yang kurang memberangsangkan menimbulkan kebimbangan kerana mereka juga perlu menduduki peperiksaan awam sama seperti murid arus perdana.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti status pencapaian MBKIP, penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Kajian ini juga bertujuan memeriksa hubungan antara penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru dengan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT. Selain dari itu, kajian ini juga bertujuan untuk memeriksa peramal utama pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan. Responden terdiri daripada 171 orang guru mata pelajaran RBT yang mengajar MBKIP di sekolah menengah harian di sekitar Lembah Klang yang dipilih secara rawak mudah. Data dikutip dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis secara deskriptif.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa status pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT adalah pada mencapai tahap minimum, status penglibatan ibu bapa dalam mata pelajaran RBT adalah pada tahap guru kurang setuju, status kemudahan fizikal dalam mata pelajaran RBT adalah pada tahap guru bersetuju dan status kompetensi guru mata pelajaran RBT adalah pada tahap memuaskan.

Keputusan analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan positif dan sederhana yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT, hubungan positif dan kuat yang signifikan antara kemudahan fizikal dengan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT dan hubungan positif dan kuat yang signifikan antara kompetensi guru dengan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT.

Selain dari itu, analisis regresi berganda mendapati ketiga-tiga faktor peramal iaitu penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru menyumbang 50.5% ke atas pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT. Peramal utama pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT adalah kompetensi guru. Kajian ini mencadangkan agar kompetensi guru dari pelbagai aspek kemahiran turut dikaji agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan untuk meningkatkan kompetensi guru terhadap mata pelajaran RBT dan juga membantu peningkatan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

PARENT INVOLVEMENT, PHYSICAL FACILITIES AND TEACHER COMPETENCIES WITH THE ACHIEVEMENT OF FULL INCLUSION SPECIAL NEEDS STUDENTS IN DESIGN AND TECHNOLOGY

By

NORHASLINDA BINTI ABD RANI

November 2019

Chair : Ts Abdullah Mat Rashid, PhD
Faculty : Educational Studies

Inclusion or Inclusive Education is a noble effort in providing educational opportunities to special needs students so that they can enjoy all learning facilities in a normal and conducive environment like other students regardless of their status. However, their lackluster achievement is a concern as they will also sit for public examinations just like other mainstream students.

Accordingly, this study aims to identify the achievement status of full inclusion special needs students (FISNS), parental involvement, physical facilities and teacher competencies in the Design and Technology (D&T). This study also aimed to examine the relationship between parent involvement, physical facilities, and teacher competence with FISNS' achievement in. Apart from that, this study also aims to examine the main predictors of FISNS' achievement in D&T. The design of this study was a survey study. The respondents were 171 D&T teachers in total, who teach FISNS in daily secondary schools around Klang Valley. They were selected using random sampling techniques. Data were collected using questionnaires and analyzed descriptively.

Findings show that the achievement status of FISNS in D&T is at the minimum level, the status of parental involvement in D&T is at the level of teachers disagreed, whereas the status of physical facilities in D&T is at the level of teachers agreed and the status of teacher competencies in D&T is at a satisfactory level.

The results of Pearson correlation analysis showed that the relationship between parent involvement and FISNS' achievement in D&T was significantly positive and moderate, the relationship between physical facilities and FISNS' achievement in D&T was significantly positive and strong and the relationship between teacher competencies and FISNS achievement in D&T was significantly positive and strong.

The result of multiple regression analysis in this study has showed that all three predictors namely parental involvement, physical facilities and teacher competencies contributed 50.5% towards FISNS' achievement in D&T. The main predictor of FISNS' achievement in D&T is teacher competencies. This study suggests that the competencies of teachers from various aspects of skills should be studied by other researcher so that continuous improvement can be done to teacher competencies on D&T, and also to help improve the achievement of FISNS in D&T.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani dan salam serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan para sahabatnya.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, penulis dapat menyiapkan tesis sarjana ini dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Abdullah bin Mat Rashid selaku penyelia tesis ini di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar, nasihat, sokongan dan idea-idea yang bernas yang telah dicurahkan sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Turut serta bimbingan dari Dr. Arnida binti Abdullah yang juga bersama-sama membimbing dan memberi tunjuk ajar.


Penghargaan yang tidak terhingga diberikan kepada semua pensyarah dan kakitangan Universiti Putra Malaysia; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP); Bahagian Pendidikan Khas, Bahagian Tajaan, Bahagian Pembangunan Kurikulum; Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta Pengetua Sekolah Menengah Harian yang melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya atas kerjasama yang telah diberikan.

Penghargaan khas juga ditujukan kepada kedua ibu bapa yang dikasihi, Abd Rani bin Ayob dan Maimunah binti Samat, keluarga tercinta iaitu Zaili bin Ramli, Muhammad Fahim Mirza dan Darin Damia, adik beradik serta insan-insan istimewa yang lain. Terima kasih atas dorongan dan galakan serta semangat untuk meneruskan pengajian ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abdullah Mat Rashid, PhD
Profesor Madya, Ts
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arnida Abdullah, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 08 September 2022

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi dan petikan telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- harta milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendak lah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No Matriks: _____

Pengisytiharan Oleh Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini adalah mengesahkan bahawa:

- penyelidikan yang dijalankan dan penulisan tesis ini adalah di bawah pengawasan kami;
- tanggungjawab penyeliaan seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
2 SOROTAN LITERATUR	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Pencapaian Akademik	14
2.2.1 Pendidikan Teknikal dan Vokasional	17
2.2.2 Reka Bentuk dan Teknologi	18
2.3 Penglibatan Ibu Bapa	21
2.3.1 Hubungan penglibatan ibu bapa dengan pencapaian	22
2.4 Kemudahan fizikal	25
2.4.1 Hubungan kemudahan fizikal dengan pencapaian	26
2.5 Kompetensi Guru	27
2.5.1 Hubungan kompetensi guru dengan pencapaian	31
2.6 Pendidikan Inklusif	32
2.6.1 Pelaksanaan Pendidikan Inklusif di Malaysia	33
2.6.2 Data Pendidikan Khas	34
2.6.3 Faedah Pendidikan Inklusif	34
2.6.4 Kriteria Murid Berkeperluan Khas Inklusif Penuh	34
2.6.5 Isu Pendidikan Inklusif di Malaysia	35
2.7 Teori Kajian	36
2.7.1 Teori Beban Kognitif	36
2.7.2 Teori Ekologi Bronfrenbrenner	39
2.8 Kerangka Teori Kajian	41
2.9 Kerangka Konsep Kajian	42
3 METODOLOGI KAJIAN	43
3.1 Pengenalan	43
3.2 Reka Bentuk Kajian	43
3.3 Populasi dan Kaedah Persampelan	43

3.4	Instrumen Kajian	47
3.4.1	Bahagian A – Penglibatan Ibu Bapa	47
3.4.2	Bahagian B – Kemudahan fizikal	47
3.4.3	Bahagian C – Kompetensi Guru	48
3.4.4	Bahagian D – Demografi	48
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	48
3.5.1	Kesahan	48
3.5.2	Kebolehpercayaan	49
3.6	Kajian Rintis	51
3.7	Prosedur Kajian	53
3.8	Analisis Data	54
3.8.1	Analisis Statistik Deskriptif	56
3.8.2	Analisis Statistik Inferensi	58
4	DAPATAN KAJIAN	60
4.1	Pengenalan	61
4.2	Demografi Responden	62
4.3	Objektif Kajian 1: Mengenal pasti status pencapaian MBKIP, penglibatan ibu bapa, Kemudahan fizikal dan kompetensi guru dalam mata pelajaran RBT	62
4.3.1	Status pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT	62
4.3.2	Status penglibatan ibu bapa dalam mata pelajaran RBT	63
4.3.3	Status kemudahan fizikal dalam mata pelajaran RBT	65
4.3.4	Status kompetensi guru dalam mata pelajaran RBT	68
4.4	Objektif Kajian 2: Memeriksa hubungan penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru dengan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT	69
4.5	Objektif Kajian 3: Memeriksa peramal utama pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT	70
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	73
	RUJUKAN	90
	LAMPIRAN	101
	BIODATA PELAJAR	124
	PENERBITAN	125

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Jumlah Guru RBT yang Mengajar MBKIP di Lembah Klang	46
3.2	Skala Rujukan Indeks Kesukaran	50
3.3	Skala Rujukan Indeks Diskriminasi	51
3.4	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Kajian Rintis	52
3.5	Pembahagian Item	52
3.6	Ujian Statistik yang di Jalankan bagi Setiap Persoalan Kajian	56
3.7	Skor Min dan Tafsiran Tahap Penglibatan Ibu Bapa dan Kemudahan fizikal	57
3.8	Interpretasi Tahap Kompetensi Guru	58
3.9	Interpretasi Tahap Pencapaian MBKIP dalam Mata Pelajaran RBT	58
3.10	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi Pearson	59
4.1	Responden Mengikut Kelayakan Akademik, Opsyen Mengajar, Pengalaman Mengajar dan Kehadiran Kursus	61
4.2	Gred Pemarkahan dan Pencapaian MBKIP dalam Mata Pelajaran RBT	62
4.3	Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Item Penglibatan Ibu Bapa	63
4.4	Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Item Kemudahan fizikal	65
4.5	Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Tahap Kompetensi Guru	68
4.6	Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Item Kompetensi Guru	68

4.7	Korelasi Pearson Antara Penglibatan Ibu Bapa, Kemudahan fizikal, Kompetensi Guru dengan Pencapaian MBKIP dalam Mata Pelajaran RBT	70
4.8	Regresi Linear Pemboleh Ubah Pencapaian MBKIP	71
4.9	Keputusan Ujian ANOVA Model 1 Regresi Pelbagai	71
4.10	Analisis Regresi Pelbagai bagi Peramal Utama Pencapaian MBKIP dalam Mata Pelajaran RBT	71



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Perhubungan antara beban kognitif, sistem memori manusia dan bahan pembelajaran	38
2.2	Teori Ekologi Bronfenbrenner	39
2.3	Kerangka Teori Kajian	41
2.4	Kerangka Konsep Kajian	42
3.1	Prosedur Persampelan	46

SENARAI SINGKATAN

ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i>
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
BPPDP	Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Dasar Pendidikan
CRPD	<i>Convention of the Right for Persons with Disabilities</i>
DIY	<i>Do-It-Yourself</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
IDI	Indeks Diskriminasi Item
IKI	Indeks Kesukaran Item
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KUD	Ketidakupayaan Pendengaran
KUL	Ketidakupayaan Penglihatan
LP	Lembaga Pemeriksaan
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MBKIP	Murid Berkeperluan Khas Inklusif Penuh
OKU	Orang Kurang Upaya
PKA21	Pembelajaran Abad ke-21
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah

PPI	Program Pendidikan Inklusif
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
RAND	<i>Random</i>
RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
SMKPK	Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
WP	Wilayah Persekutuan
3M	Membaca, Menulis dan Mengira

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Kajian Di Sekolah
- B Instrumen Kajian
- C Surat Kebenaran Kelulusan Pakar
- D Analisis Data



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang, pernyataan masalah, objektif, persoalan, kepentingan, batasan dan kerangka teori kajian serta penerangan mengenai definisi istilah yang akan dihuraikan dengan terperinci.

1.2 Latar Belakang

Perdana Menteri Malaysia Kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi bertanggungjawab dalam mengetengahkan konsep modal insan, berharap agar generasi masa depan terdiri daripada generasi yang berfikiran kritis dan kreatif, berupaya mencipta peluang baharu dan menyelesaikan masalah serta berkemampuan dalam menangani persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Justeru, bagi memastikan modal insan yang disediakan kekal relevan dan memenuhi permintaan industri, maka pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bermutu tinggi amat diperlukan. Kerajaan Malaysia telah mewujudkan pelbagai inisiatif untuk membangunkan modal insan sebagai usaha meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir dan berteknologi tinggi dalam kalangan warganegara tanpa mengira kaum, bangsa, agama dan keupayaan. Untuk tujuan itu, penambahbaikan terhadap kualiti pendidikan telah menjadi tumpuan utama dalam dasar kerajaan seperti meningkatkan kecemerlangan institusi pendidikan dan *outcome* Orang Kurang Upaya (OKU).

OKU juga merupakan modal insan dan generasi masa depan yang berpotensi untuk diketengahkan. Walau bagaimanapun, tanpa pendidikan yang sempurna, usaha untuk melahirkan modal insan yang unggul dalam kalangan OKU tidak akan berhasil. Oleh itu, pembangunan modal insan yang berkualiti dan produktif haruslah diberi tumpuan. Namun, tugas ini tidaklah semudah yang difikirkan kerana pencapaian akademik menjadi ukuran masa depan dan menyumbang kepada usaha untuk merealisasikan matlamat negara. Justeru, perkara ini penting untuk ditangani dengan berkesan supaya pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di bawah inisiatif untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 tidak terjejas.

Malaysia sudah meratifikasi Konvensyen Hak untuk OKU pada 19 Julai 2010 sebagai jaminan keadilan kepada komuniti OKU untuk menjalani kehidupan seperti mana orang normal. Sebagai ahli masyarakat, OKU turut memainkan peranan yang konstruktif dalam masyarakat dan boleh menyumbang kepada

kesejahteraan dan pembangunan negara. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu Kementerian yang bertanggungjawab terhadap sistem persekolahan di Malaysia telah menyediakan peluang-peluang pendidikan bukan sahaja bagi murid normal malahan juga bagi MBK. Tindakan yang diambil oleh KPM adalah selari dengan Perkara 28 dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang menekankan kepada sokongan dan bantuan terhadap MBK agar mereka memperoleh kesaksamaan dalam pendidikan (Ibrahim & Talib, 2019) bagi mengembangkan potensi diri (Shaari, 2005; KPM, 2018).

MBK yang mengikuti sistem pendidikan kebangsaan adalah terdiri daripada MBK kategori ketidakupayaan penglihatan (KUL), ketidakupayaan pendengaran (KUD), ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pelbagai dan masalah pembelajaran yang merangkumi autisme, *Down Syndrome*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) dan disleksia (KPM, 2013). MBK di Malaysia sangat beruntung kerana mereka berpeluang mendapat pendidikan melalui pelbagai program yang disediakan seperti Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Berdasarkan Buku Data Pendidikan Khas (2019), terdapat 28 buah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK); 2 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK); 4 buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV); 2,343 buah PPKI dan 6,202 buah sekolah PPI. Menurut Shaffeei (2019), MBK di PPKI dikelaskan menjadi tiga kelompok berdasarkan kefungsiannya iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Kefungsian rendah merupakan MBK yang perlu menguasai pengurusan diri. Manakala kefungsiannya sederhana merupakan MBK yang mempunyai asas kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) dan berupaya menerima latihan kemahiran asas dalam pembelajaran. Seterusnya, kefungsiannya tinggi terdiri daripada MBK yang berupaya mengikuti kurikulum kebangsaan atau akademik seperti murid normal di arus perdana.

Sebelum tahun 2013, kebanyakan MBK di Malaysia belajar secara segregasi di kelas atau sekolah pendidikan khas menggunakan kurikulum yang tidak sama dengan kurikulum arus perdana mengikut kesesuaian dan kebolehan mental dan fizikal mereka. Buku Data Pendidikan Khas tahun 2012 mencatatkan terdapat 355 buah PPKI yang mempunyai PPI iaitu 161 buah peringkat rendah dan 194 buah peringkat menengah. Daripada jumlah tersebut didapati hanya 6% MBK mengikuti PPI arus perdana manakala 89% MBK lagi mengikuti PPKI dan 5% lagi belajar di SPK. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PPI masih lagi kurang dilaksanakan dan MBK masih dibiarkan bergaul bersama-sama rakan sebaya yang sama seperti mereka secara segregasi di PPKI dan SPK.

Resolusi Pendidikan Untuk Semua (*Education for All*) telah dilakukan UNESCO di Jomtien, Thailand pada bulan Mac 1990 bertujuan memperkasakan dasar pendidikan inklusif. Justeru pada tahun 2013, KPM komited untuk menjadikan sistem pendidikan kebangsaan bertambah baik dengan memperkenalkan semula pendidikan inklusif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. KPM mensasarkan 75% MBK kumpulan kefungsiannya tinggi atau MBK yang mengikuti PPI belajar di arus perdana pada tahun 2025. PPI

peringkat menengah rendah dan atas telah menjadi Dasar Pendidikan Kebangsaan pada tahun 2017 yang menggariskan supaya MBK yang mempunyai potensi untuk diinkluskikan diberi peluang belajar dengan murid normal dalam kelas arus perdana di samping menyediakan program yang bersesuaian dan relevan dengan keupayaan MBK agar mereka boleh berdikari (KPM, 2017).

Menurut Miles dan Singal (2010), MBK perlu mempunyai akses ke sekolah yang menawarkan pendidikan inklusif bagi tujuan mengatasi diskriminasi dan mewujudkan pemikiran terbuka serta komuniti inklusif. Kajian lepas menyatakan MBK tidak memerlukan kurikulum yang berbeza daripada kurikulum arus perdana dilihat menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu penyediaan pendidikan yang berkualiti dan pembangunan yang menyeluruh dan seimbang terhadap modal insan. Hak dan peluang MBK untuk mengikuti pendidikan dalam suasana pembelajaran yang tidak terhad dilihat dapat dipenuhi melalui PPI. PPI dikatakan bersifat menyeluruh (*holistic*) kerana tidak menumpukan kepada kecemerlangan akademik sahaja tetapi turut meliputi perkembangan dan penerokaan potensi MBK.

Pendidikan inklusif di Malaysia berjalan di sekolah sama ada kerajaan mahupun bantuan kerajaan dimana dihadiri oleh murid normal dan satu hingga lima orang MBK di kelas arus perdana (KPM, 2013). Terdapat dua jenis pendekatan dalam pelaksanaan pendidikan inklusif di peringkat menengah rendah dan atas. Pendekatan pertama ialah Inklusif Penuh iaitu MBK secara sepenuh masa belajar dengan murid normal di kelas arus perdana, mengikuti kesemua mata pelajaran akademik berdasarkan kurikulum kebangsaan termasuklah Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) serta melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum bersama-sama murid normal. Pendekatan kedua ialah Inklusif Separa iaitu MBK belajar dengan murid normal di kelas arus perdana secara separa akademik ataupun separa bukan akademik. Pendekatan Inklusif Separa Akademik merupakan pendekatan di mana MBK belajar dengan murid normal di kelas arus perdana untuk satu mata pelajaran atau lebih. Manakala Inklusif Separa Bukan Akademik pula merupakan pendekatan di mana MBK hanya terlibat dengan murid normal dalam aktiviti kokurikulum atau sosialisasi sahaja (KPM, 2018).

Data Murid Berkeperluan Khas Inklusif Penuh (MBKIP) mula dilaporkan pada tahun 2012 dalam PPPM 2013-2025. KPM dalam pelan tersebut telah menetapkan sasaran peratusan enrolmen MBKIP meningkat sehingga 75% pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, data Pendidikan Khas sehingga 31 Oktober 2018 mencatatkan hanya 19% enrolmen MBKIP. Selebihnya iaitu 78% enrolmen MBK mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (MBK PPKI) manakala 3% enrolmen MBK lagi didaftarkan di Sekolah Pendidikan Khas (MBK SPK). Data tersebut menunjukkan bahawa peratusan enrolmen MBKIP masih rendah dan perlu ditingkatkan agar sasaran 75% menjadi kenyataan pada 2025.

Menurut KPM (2018), pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia berdepan dengan bermacam-macam isu antaranya ialah kesedaran dan penerimaan.

Terdapat juga isu kesediaan pentadbir dan guru menerima MBKIP di sekolah disebabkan belum memahami sepenuhnya akan pelaksanaan PPI. Mereka juga berpendapat bahawa kehadiran MBKIP di kelas arus perdana akan menyebabkan urusan pentadbiran menjadi sukar. Selain dari itu, wujud tanggapan bahawa semua MBK memiliki kognitif yang rendah, masalah membaca, menulis, mengira dan menyelesaikan masalah berpunca daripada kurang upaya pancaindera, fizikal dan mental. Mereka khuatir pencapaian akademik MBKIP yang lemah akan menjejaskan prestasi akademik sekolah.

Pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia membuktikan bahawa, KPM telah menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan daripada pelbagai perspektif merangkumi pendidikan dalam kalangan MBK seawal prasekolah sehingga lepas menengah. Selain dari itu, KPM turut memberikan sokongan dan perhatian dalam membangunkan kemahiran dan bakat baharu MBK. Antaranya, menyediakan MBK sebagai aset negara dalam agenda pembangunan ekonomi negara selaras dengan era globalisasi Revolusi Industri (IR) 4.0 yang lebih bersifat inklusif dan menekankan kepada keupayaan pelaburan dan pemilikan teknologi pada masa hadapan (KPM, 2019). Menurut Mustapha (2012), TVET perlu menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan agar pembangunan modal insan dapat dibuat secara menyeluruh dan bersepadu merangkumi sahsiah, tingkah laku, penyesuaian diri dalam persekitaran yang berubah-ubah, meningkatkan kefahaman dan kebolehan membuat pertimbangan serta penampilan diri yang wajar.

Oleh yang demikian menurut Mohd Yasin, Toran dan Shaari (2008), kerajaan perlu melabur dalam bidang kemahiran dan vokasional di bawah kerangka pendidikan inklusif. Justeru, pelaburan yang dibuat oleh KPM dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan juga mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di peringkat menengah rendah mulai tahun 2017 adalah selaras dengan saranan Pernyataan Salamanca pada tahun 1994 di dalam Rangka Pelan Tindakan UNESCO iaitu MBK perlu diberi pendedahan kepada bidang yang lebih mencabar seperti bidang teknikal atau kemahiran (Salleh, 2003) supaya mereka boleh memajukan diri seiring dengan rakan mereka yang normal (Tahir, Mustafa & Yasin, 2009).

Dengan terlaksananya KSSM maka secara rasminya mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dimansuhkan lalu diganti RBT. Mata pelajaran RBT Tingkatan Satu merupakan kesinambungan dari mata pelajaran RBT Tahap Dua di sekolah rendah. Tanggungjawab mengajar RBT digalas ke bahu guru yang dahulunya mengajar KHB. Dalam sistem pendidikan hari ini, RBT merupakan bidang TVET yang perlu diberi keutamaan kerana ia merupakan peluang untuk MBKIP mempraktikkan aktiviti mereka bentuk dan penghasilan produk berfungsi berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi. MBKIP yang mengikuti KSSM berpeluang mengikuti mata pelajaran akademik termasuklah RBT.

Kebanyakan kajian lepas dijalankan berkaitan pendidikan inklusif seperti penglibatan ibu bapa (Abdullah, 2012), kesediaan (Khalil, 2015 & Mohd Nor, 2015) dan persepsi guru arus perdana (Jelas, 2000; Ali, Mustapha & Jelas, 2006; Jelas, Salleh & Ali, 2010; Sharif, 2015) terhadap pelaksanaan PPI, namun masih terdapat kelompangan berkaitan pencapaian MBKIP yang perlu dipenuhi dalam bidang TVET khususnya RBT. RBT merupakan mata pelajaran wajib di bawah KSSM. Dokumen Standard dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran RBT peringkat menengah digubal bagi kegunaan peringkat menengah rendah sahaja iaitu daripada tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Kandungan DSKP mata pelajaran RBT sekolah menengah terdiri daripada jurusan awam, elektrik dan elektronik, mekanikal, sains rumah tangga, sains pertanian serta pengurusan kewangan. Ia turut menekankan penguasaan murid secara teori dan amali melalui aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Guru yang mengajar RBT diwajibkan mengguna pakai DSKP sebagai panduan pedagogi dan isi kandungan serta pentaksiran. Tahap penguasaan murid dinilai dengan adil dan tepat berpandukan rubrik standard prestasi yang disediakan (Ahmad, 2016).

Penguasaan mata pelajaran RBT ini akan dinilai secara berterusan melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Secara automatiknya, MBKIP di kelas arus perdana akan menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bersama-sama murid normal yang lain. Oleh itu, mereka perlu bersaing dengan murid normal di kelas arus perdana dalam bidang akademik khususnya mata pelajaran RBT. Pendidikan inklusif bukan hanya meletakkan MBKIP dengan murid normal dalam kelas arus perdana sahaja tetapi bertujuan memberi peluang kepada MBKIP memperoleh kesamarataan meningkatkan pencapaian akademik, bersosialisasi, beriadah dan berdikari bersama-sama dengan murid normal bagi mewujudkan masyarakat yang adil dan sejahtera.

Menurut Bakar, Mustapha dan Ibrahim (2011), PdPc vokasional dan kerja amali didapati secara signifikan menyumbang terhadap pencapaian akademik murid. Dapatan kajian Lewis dan Doorlag (2003) juga mendapati MBKIP boleh berjaya dalam pelajaran sekiranya mereka mendapat bantuan daripada guru dan rakan sekelas kerana pendidikan inklusif merupakan kesempatan bagi MBKIP belajar dalam persekitaran yang normal. Manakala, Ali dan Hassan (2014) dalam kajiannya terhadap 46 responden dengan menggunakan soal selidik mendapati pencapaian akademik MBKIP KUL dan MBKIP sekolah menengah di sekitar Lembah Klang adalah sederhana.

Walau bagaimanapun, Bardin (2006) dalam kajiannya terhadap 15 orang MBKIP yang mengikuti kelas Seni Bahasa di kelas arus perdana yang berbeza di Florida, Amerika Syarikat menunjukkan sebaliknya iaitu tahap pencapaian MBKIP adalah rendah. Kajian tersebut dijalankan dengan menggunakan *Engagement Observation Tool* dan *Student Participation Questionnaire*. Dapatan ini menyamai dapatan kajian Bardin dan Lewis (2008) terhadap 79 orang guru arus perdana iaitu pencapaian akademik MBKIP didapati lebih rendah berbanding murid normal di kelas arus perdana disebabkan faktor kekangan visual yang menimbulkan jurang dalam perkembangan konsep dan

mengganggu aktiviti pembelajaran. Manakala Kvande, Bjorklund, Lydersen, Belsky dan Wichstrom (2018) dalam kajiannya mendapati MBK yang belajar di PPKI tidak menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik dan motivasi.

Pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia amat bergantung kepada penglibatan dan kerjasama berbagai-bagai pihak terutamanya ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah kerana kerjasama yang wujud menjadi penggerak kepada pelaksanaan pendidikan inklusif serta meningkatkan kualiti pembelajaran MBKIP (Muhammad & Mahmud, 2010). Permuafakatan antara ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah dalam pendidikan inklusif bertujuan untuk menyokong pembentukan MBKIP sebagai golongan yang boleh berdikari, berdaya saing dan dapat memenuhi harapan dan keperluan masyarakat dan negara di alam dewasa kelak. Selain dari itu, ia dapat mendekatkan pihak ibu bapa dengan perkembangan semasa dalam pendidikan. Walau bagaimanapun, kajian Wahab (2012) mendapati ada ibu bapa kurang memperoleh maklumat yang mendalam tentang pendidikan inklusif seperti tujuan dan cara pelaksanaan, manfaat yang akan diperolehi serta kebaikan yang akan diterima oleh MBK. Justeru, tidak hairanlah mengapa masih ramai ibu bapa mahu anak mereka terus belajar di dalam persekitaran pendidikan khas (Mohd Yasin, Toran dan Majid, 2015).

Menurut Stowitschek (2001), ibu bapa kepada MBK masih ragu-ragu terhadap pendidikan inklusif. Ibu bapa di Malaysia masih kurang memberikan sokongan terhadap anak mereka berbanding masyarakat di barat walaupun terdapat akta pendidikan yang menekankan sokongan ibu bapa dalam pendidikan MBK seperti "*The Education for All Handicapped Children Act of (P.L 94-142)*". Justeru, keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan MBKIP adalah penting kerana ibu bapa yang gagal memainkan peranan yang sewajarnya sebagai pendorong untuk MBKIP, boleh merencatkan usaha KPM untuk meningkatkan potensi diri MBKIP secara menyeluruh melalui pendidikan inklusif.

Kajian lepas menunjukkan perbuatan ibu bapa seperti berbincang, menjaga dan berkomunikasi merupakan pengaruh yang kuat terhadap pencapaian murid (Abd Hamid, Othman, Ahmad & Ismail, 2011; Houtenville & Conway, 2008) dan merupakan komponen yang penting serta sumber semulajadi yang menyokong pencapaian murid (Christenson & Sheridan, 2001). Manakala kajian *retrospektif* oleh Othman, Azman dan Ali (2008) mendapati kejayaan MBK Ketidakupayaan Pendengaran (MBK KUD) dalam bidang akademik dipengaruhi oleh ibu bapa yang secara aktif melibatkan diri dengan akademik anak-anak. Kajian tersebut juga mendapati bahawa pencapaian MBK KUD dalam bidang akademik turut dipengaruhi oleh faktor diri mereka sendiri serta keluarga. Faktor-faktor lain melibatkan keluarga ialah sikap, penglibatan, jangkaan, persekitaran dan sumber ibu bapa. Menurut Zahari (2010), keluarga terutamanya ibu bapa dan adik beradik merupakan pendorong terpenting kepada murid dalam mencapai kecemerlangan. Namun, masih terdapat guru dan ibu bapa yang memandang rendah terhadap pencapaian MBK (Shifrer & Callahan, 2012).

Selain dari itu, kajian lepas juga menunjukkan bahawa guru bukan bukan opsyen khusus berdepan isu penguasaan isi kandungan dalam mata pelajaran diajar (Amirullah & Iksan, 2018; Salleh & Hutagalung, 2016) mahupun mata pelajaran baharu (Masingan & Sharif, 2019). Hal ini juga mengakibatkan guru bukan opsyen khusus berdepan dengan masalah dalam mempelbagaikan pendekatan dan strategi pengajaran dalam mata pelajaran yang di ajar (Yip, Chan, Yung, & Lai, 2018; Kola Sunday & Ayinde, 2015; Plessis *et al.*, 2018). Manakala kajian kualitatif menggunakan kaedah *single case study* yang dijalankan oleh Masingan dan Sharif (2019) terhadap pengetahuan pedagogi kandungan dua responden sekolah menengah bukan opsyen khusus RBT mendapati penguasaan isi kandungan masih lemah dan belum memahami objektif pembelajaran mata pelajaran tersebut.

Oleh itu, Masingan dan Sharif (2019) telah mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan terhadap mata pelajaran RBT menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan sampel yang ramai bagi tujuan penambahbaikan. Oleh yang demikian, kajian ini penting kerana guru bukan pengkhususan RBT ini juga terpaksa mengajar MBKIP dalam kelas arus perdana sedangkan mereka juga tiada latar belakang ilmu Pendidikan Khas. Hal ini membebankan guru bukan mata pelajaran RBT kerana ia mempengaruhi kompetensi pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) guru untuk mengajar secara berkesan. Kajian terdahulu (Ball, Thames & Phelps, 2008; Chien, Mohd Saat & Loke, 2015; Pella, 2015; Shulman, 1987) menunjukkan bahawa adalah mustahak untuk setiap guru mengetahui, memahami dan mahir dalam PPIK supaya PdPc yang dirancang terjamin keberkesanannya.

Hal ini sekiranya tidak ditangani akan menimbulkan masalah kepada MBKIP untuk memahami isi kandungan seterusnya mempengaruhi pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT. Sekiranya pencapaian akademik MBK rendah, MBKIP tidak mampu bersaing dengan murid arus perdana. Malahan MBKIP akan juga kurang berpeluang untuk mengembangkan potensi diri selepas tamat persekolahan menengah. MBKIP juga perlu memilih mata pelajaran elektif atau bidang pengkhususan di tingkatan empat. Ini kerana pemilihan pengkhususan adalah berdasarkan keputusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT memberi kesan terhadap pemilihan bidang *Science, Engineering, Technology and Mathematics* (STEM). Hal ini akan menyebabkan peluang kebolehpasaran MBKIP terhad kerana MBKIP tidak dapat melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang atau memilih bidang yang diminati.

Menurut Hamdan, Kusdiyati, Khasanah, Djamhoer (2021), aktiviti PdPc di dalam pendidikan inklusif memerlukan guru yang boleh menerapkan kurikulum yang bersifat heterogen. Selain dari itu, kompetensi guru dalam pelaksanaan pendidikan inklusif juga adalah sangat penting kerana guru merupakan tonggak kepada MBKIP dalam penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk memperoleh keputusan yang cemerlang. Menurut Mohamad Saad, Baharuddin dan Ismail (2016), guru atau tenaga pengajar yang boleh memainkan peranan sebagai pemudahcara dalam membimbing dan memotivasikan murid di dalam

kelas mampu mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Kajian yang dijalankan Ahmad dan Jingga (2015) mendapati prestasi murid dalam mata pelajaran Sejarah dipengaruhi oleh kompetensi guru. Manakala kajian Othman dan Rahman (2010) pula mendapati pencapaian akademik pelajar ijazah pertama di Universiti Teknologi Malaysia tiada hubungan yang signifikan dengan kompetensi pensyarah dalam jurusan kejuruteraan awam, elektrik dan mekanikal. Hasil kajian Norhana *et al.* (2016), Abu dan Leong (2014) juga mendapati bahawa kompetensi guru dan pencapaian akademik murid menunjukkan hubungan positif yang lemah.

Guru bertanggung jawab memastikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dilaksanakan di kelas, bengkel dan makmal komputer yang mempunyai kemudahan fizikal yang baik, mencukupi dan kondusif. Ini kerana, menurut Hamdan dan Ismail (2011) peningkatan pencapaian akademik boleh dicapai sekiranya sekolah dibekalkan dengan kemudahan fizikal seperti meja, kerusi, peralatan dan ruang belajar yang baik dan selesa untuk kemudahan proses PdPc. Manakala Vejian, Kamarudin & Abdul Kadir (2016) pula menyatakan persekitaran pembelajaran yang memiliki iklim sekolah yang sesuai dan selesa meningkatkan keberkesanan PdPc. Menurut Wan Aziz (2008), untuk meningkatkan pencapaian murid, pihak sekolah harus mempunyai kemudahan fizikal yang boleh disifatkan sebagai memadai. Walau bagaimanapun, dapatan kajian Royo dan Mahmood (2011) menunjukkan kemudahan bengkel yang disediakan di sebuah daerah di Johor Bahru adalah sederhana dan pencapaian murid dipengaruhi oleh kemudahan bengkel bagi mata pelajaran Reka Cipta. Manakala Kajian Koh (2002) pula mendapati tahap kemudahan bengkel mata pelajaran Reka Cipta adalah sederhana dan perlu dipertingkatkan.

Walaupun telah banyak kajian berkaitan pendidikan inklusif dijalankan seperti penglibatan ibu bapa (Wahab, 2012), kesediaan (Khalil, 2015; Mohd Nor, 2015) dan persepsi guru arus perdana (Jelas, 2000; Ali, Mustapha & Jelas, 2006; Jelas, Salleh & Ali, 2010; Sharif, 2015) terhadap pelaksanaan PPI, namun masih terdapat kelompangan berkaitan pencapaian MBKIP yang perlu dipenuhi dalam bidang PTV khususnya mata pelajaran RBT. Pencapaian akademik melibatkan MBKIP yang didapati lebih rendah jika dibandingkan dengan murid normal menjadi isu dalam pelaksanaan pendidikan inklusif (KPM, 2019).

Berdasarkan kajian lepas yang telah diutarakan, kajian berkaitan penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal, kompetensi guru dan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT perlu dilakukan. Pengalaman pravokasional dan pencapaian dalam mata pelajaran RBT ketika di peringkat menengah rendah adalah penting untuk membantu MBKIP mendapatkan maklumat berkaitan bidang pengkhususan yang ingin dipelajari di peringkat menengah atas sama ada di sekolah menengah harian, Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) mahupun Kolej Vokasional (KV) di samping persediaan ke alam kedewasaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Kepentingan pencapaian akademik telah dimanifestasikan dalam teras kedua Misi Nasional bertujuan untuk menyediakan generasi masa hadapan yang berpengetahuan dan memiliki daya inovasi. Hal ini kerana pencapaian akademik merupakan hasil prestasi yang menunjukkan sejauh mana seseorang itu telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh persekitaran pengajaran sama ada di sekolah, kolej atau universiti. Secara amnya, yang menentukan tingkatan kedudukan seseorang dalam sesuatu peperiksaan adalah pencapaian akademik melalui peperiksaan yang diambil seperti Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) atau pun Peperiksaan Awam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM).

Menurut Maalip, Yahya, Koay, Rathakrishnan, Maakip, Ahmad, Ali dan Ahmad (2020), kemajuan remaja atau generasi muda dalam bidang akademik merupakan perkara yang sangat mustahak kepada negara kerana mereka adalah modal insan yang sangat bernilai pada masa hadapan (Abdullah, 2006). Namun, berdasarkan kajian lepas, status pencapaian akademik MBK adalah rendah (Maalip, Yahya, Koay, Rathakrishnan, Maakip, Ahmad, Ali & Ahmad, 2020; Roslan & Wahab, 2017; Liong & Mohd Yasin, 2019; Mohamed, 2005; Gargiulo, 2003; Easterbrooks & Baker, 2002; Moores, 2001, Baharom & Abd Majid, 2017).

Berdasarkan Data Pendidikan Khas (2019), dapatan analisis keputusan peperiksaan SPM bagi tahun 2016 hingga 2018 melibatkan Calon Berkeperluan Khas (CBK) didapati menurun sebanyak 0.67%. Begitu juga dengan bilangan CBK yang berjaya mendapat Cemerlang 7A dan ke atas juga didapati merosot sebanyak 0.21%. Walau bagaimanapun, tinjauan awal mendapati, MBKIP juga mempunyai kecerdasan yang tinggi, boleh bertindak balas dengan menggunakan pelbagai deria, sistematik dan boleh menggunakan pendekatan fonetik yang tersusun tidak kira betapa seriusnya ketidakupayaan mereka selain terdapat MBKIP yang menunjukkan kemajuan di luar jangkaan setelah melalui proses pengajaran berkesan (Ramaiah, 2018).

Untuk memperoleh kemajuan dan kecemerlangan dalam bidang akademik tidaklah mudah tambahan pula melibatkan MBK. Ini kerana pelbagai faktor boleh mempengaruhi pencapaian seseorang murid sama ada faktor dalaman mahupun luaran. Menurut Hamdan dan Hussin (2013), pencapaian rendah MBKIP dalam peperiksaan awam sangat merungsingkan pihak pentadbir sekolah. Justeru, pengkaji berpandangan bahawa satu kajian untuk mengenal pasti status pencapaian akademik MBKIP di sekolah menengah serta memeriksa hubungannya dengan penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru perlu dijalankan. Selain dari itu, hasil kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada guru bagi merancang PdPc berkesan yang boleh membantu dalam peningkatan pencapaian akademik MBKIP terutamanya dalam mata pelajaran RBT atau TVET.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah bertujuan mengenal pasti penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru dengan pencapaian MBKIP dalam subjek RBT. Selain dari itu, objektif umum kajian ini juga adalah bertujuan mengenal pasti pemboleh ubah yang boleh menjadi peramal utama kepada pencapaian MBKIP dalam subjek RBT.

Objektif khusus kajian ini ialah untuk:

- 1.4.1 Mengetahui pencapaian MBKIP, penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru dalam mata pelajaran RBT.
- 1.4.2 Memeriksa hubungan penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru dengan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT.
- 1.4.3 Memeriksa peramal utama pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT.

1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Adakah status pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT?
- 1.5.2 Adakah status penglibatan ibu bapa dalam mata pelajaran RBT?
- 1.5.3 Adakah status kemudahan fizikal dalam mata pelajaran RBT?
- 1.5.4 Adakah status kompetensi guru dalam mata pelajaran RBT?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru dengan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT?
- 1.5.6 Adakah peramal utama pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu platform terbaik untuk melihat tahap pencapaian MBKIP, penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru serta hubungan penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru dengan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT di PPI Arus Perdana yang kurang mendapat perhatian pengkaji lain. Kajian ini diharapkan dapat menjawab segala persoalan yang diutarakan disamping dapat menampung kelompongan kajian-kajian terdahulu berkenaan penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal, kompetensi guru, pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT di PPI Arus Perdana. Pengkaji juga berharap, apabila status penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal dan kompetensi guru serta pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT di PPI Arus Perdana telah dikenalpasti, dapatan kajian ini akan menyumbang kepada kajian lanjutan dalam konteks yang lebih luas dan bidang yang baharu.

Hasil kajian ini juga diharapkan akan dapat memberikan maklumat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan PPI Arus Perdana, penggubal kurikulum RBT dan pentaksiran, Sektor Operasi Sekolah dan latihan guru seperti Bahagian Pendidikan Khas, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Profesionalisme Guru, Lembaga Peperiksaan dan Jabatan Pendidikan Negeri. Pihak tersebut perlu memberikan perhatian yang lebih menyeluruh terhadap perancangan dan pelaksanaan program, peruntukan kewangan, latihan guru serta kemudahan fizikal yang sesuai, berkualiti dan mencukupi bagi membolehkan pihak yang terlibat dalam pelaksanaan mata pelajaran RBT dan PPI dapat melaksanakannya dengan lebih berkesan.

Manakala guru mata pelajaran RBT di sekolah pula diharapkan dapat meningkatkan kompetensi dalam aspek pengetahuan PPIK mata pelajaran RBT supaya dapat menyediakan PdPc yang berkualiti dan berkesan agar pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT dapat ditingkatkan. Selain dari itu, pengetua perlu sentiasa menyelia PdPc guru dan keperluan kemudahan fizikal yang terdapat di sekolah agar iklim pembelajaran semua murid adalah kondusif dan selamat serta turut menjaga kepentingan sosial murid normal yang belajar bersama-sama dengan MBKIP sebagai rakan sekelas dalam mata pelajaran RBT.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai alat dalam pengumpulan data. Kajian ini hanya melibatkan guru arus perdana yang mengajar mata pelajaran RBT kepada MBKIP di sekolah menengah. Sekolah yang dipilih terbatas kepada sekolah menengah harian di Lembah Klang sahaja iaitu di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur dan Putrajaya atas faktor geografi, kos dan masa. Penglibatan ibu bapa dan kemudahan fizikal kajian ini terbatas kepada temubual antara guru dan murid serta pengalaman dan pemerhatian guru sepanjang mengajar MBKIP dalam mata pelajaran RBT. Kompetensi guru adalah terdiri daripada pelbagai aspek dan skop yang luas. Oleh itu, kompetensi guru dalam kajian ini terbatas kepada aspek pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) Tingkatan Satu sahaja berdasarkan skor keputusan Bahagian C yang diperolehi bagi menentukan tahap kompetensi guru dalam mata pelajaran RBT. Manakala pencapaian MBKIP adalah berdasarkan skor keputusan peperiksaan akhir tahun Tingkatan Satu dalam mata pelajaran RBT yang dinyatakan oleh guru dalam Bahagian D. Oleh itu, kajian ini hanya dibataskan kepada pemboleh ubah seperti yang di atas iaitu penglibatan ibu bapa, kemudahan fizikal, kompetensi guru dan pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT.

1.8 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang perlukan penjelasan bagi menerangkan dengan tepat perkara yang dibincangkan oleh pengkaji. Antaranya adalah seperti berikut:

1.8.1 Pencapaian

Pencapaian akademik ditakrifkan sebagai suatu peringkat prestasi yang dicapai oleh seseorang dalam berbagai-bagai jurusan ilmu pengetahuan mahupun kemahiran (Steinmayr, Meißner, Weidinger & Wirthwein, 2014) yang diukur berlandaskan markah, tahap, gred atau peringkat kelulusan bagi satu mata pelajaran atau keseluruhan pengajian Abdul Razak (2015).

Dalam kajian ini, pencapaian MBK Inklusif Penuh (MBKIP) adalah merujuk kepada pencapaian MBKIP dalam mata pelajaran RBT berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun Tingkatan Satu.

1.8.2 Murid Berkeperluan Khas Inklusif Penuh (MBKIP)

Murid berkeperluan khas (MBK) bermaksud murid yang telah disahkan oleh doktor perubatan, pakar dalam bidang optik, audiologi, psikologi mahupun menurut sesiapa yang berkaitan sama ada berkhidmat dengan kerajaan atau tidak kurang upaya penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, masalah pembelajaran ataupun gabungan mana-mana kurang upaya dan masalah seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas), 2013.

Dalam kajian ini, MBK Inklusif Penuh (MBKIP) merujuk kepada MBK yang memenuhi kriteria kemasukan dan diterima untuk belajar di kelas arus perdana serta mengambil mata pelajaran RBT.

1.8.3 Penglibatan Ibu Bapa

Penglibatan ibu bapa ditakrifkan sebagai kegiatan yang dilakukan sama ada antara ibu bapa dengan anak di rumah mahupun ibu bapa dengan guru di sekolah yang akan menyokong pertumbuhan dan kemajuan anak dalam pelajaran (Abdullah, Seedee, Alzaidiyeen, Al-Shabatat, Alzeydeen, dan Al-Awabdeh, 2011). Epstein (2001) mengelaskan penglibatan ibu bapa kepada enam kelompok yang iaitu gaya keibubapaan, komunikasi, kesukarelawanan, membuat keputusan, pembelajaran di rumah dan kolaborasi dalam komuniti. Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa merupakan kegiatan ibu bapa iaitu berkomunikasi, memberi motivasi, menyediakan kemudahan dan melibatkan diri dengan pembelajaran MBKIP dalam mata pelajaran RBT sama ada di rumah mahupun di sekolah.

1.8.4 Kemudahan Fizikal

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), kemudahan fizikal merupakan infrastruktur seperti perabot dan peralatan yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan pengurusan. Dalam kajian ini, kemudahan fizikal merujuk kepada kualiti, kesesuaian dan kecukupan kuantiti kemudahan atau perkhidmatan asas yang terdapat di kelas, bengkel dan makmal komputer semasa mengikuti mata pelajaran RBT.

1.8.5 Kompetensi Guru

Kompetensi bermaksud kecekapan yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah yang dijadikan rujukan standard untuk menentukan prestasi individu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang dipikul (Ibrahim et al., 2015). Berdasarkan Standard Kompetensi Guru Malaysia (2011), kompetensi guru terdiri daripada tiga elemen yang menjadi teras kepada profesionalisme keguruan seperti mengamalkan nilai profesionalisme, memahami, mengetahui dan berkemahiran dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Menurut Shulman (1987), kompetensi pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) merupakan keupayaan seorang pengajar membuat modifikasi terhadap pengajarannya mengikut keupayaan dan kesesuaian murid berdasarkan pengetahuan pedagogi isi kandungan yang dimiliki. Dalam kajian ini, kompetensi guru merujuk kepada kompetensi guru dalam pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) mata pelajaran RBT.

RUJUKAN

- Abd Hamid, Z., Othman, J., Ahmad, A. & Ismail, I.A. (2011). Hubungan Penglibatan Ibumbapa dan Pencapaian Akademik Pelajar di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40.
- Abdullah, N.W. (2012). *Penglibatan Ibu Bapa Dalam Program Inklusif di Negeri Melaka*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razak, H. (2015). *Hubungan Antara Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Abu, M.S. & Tasir, Z. (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Abu, N. E. & Leong, K.E. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Adnan, M.F.R. & Zaharudin, R. (2021). Kepentingan Al-Quran e-Braille Terhadap Peningkatan Pencapaian Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 19-27.
- Ahmad, A. (2016). *Pentaksiran Pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ahmad, A. & Jingga, N. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2).
- Ahmad Zanzali, N. A. & Daud, N. (2010). *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih UTM Yang Mengajar Matapelajaran Matematik. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih UTM Yang Mengajar Matapelajaran Matematik*, 1-6. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali, M.M. & Hassan, N. (2014). Perspektif Guru Terhadap Keterlibatan Akademik dalam Kalangan Murid dengan Ketidakupayaan Penglihatan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(2), 109-114.
- Ali, M. M., Mustapha, R., & Jelas, Z. M. (2006). An Empirical Study on Teachers' Perceptions towards Inclusive Education in Malaysia. *International journal of special education*, 21(3), 36-44.
- Alias, A. (2015). Program Transisi: Pembelajaran Melalui Pengalaman Bagi Pelajar Bemasalah Pembelajaran. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*.

- Amirullah, A.H. & Iksan, Z.H. (2018). Lesson study: an approach to increase competency. *Baltic Science Education*, 17(5), 828-837
- Ambotang, A. S., Abdullah, M. Y., Mohamad, B., & Zain, S. (2011). Pengaruh Pengetahuan Pedagogi dan Kandungan Terhadap. *Journal MEDC, Volume 10*, 1-12.
- Annual, S.N. (2014). *Persepsi Pelajar Terhadap Perbezaan Kemudahan Prasarana Dalam Membantu Pembudayaan Sains dan Teknologi Pelajar di Kolej Vokasional Zon Selatan*. Universiti Tun Hussein Onn. Batu Pahat.
- Arshad, M., Qamar, Z. A., Gulzar, F. H., & Ahmed, G. (2019). School Environmental Effects on Academic Achievement in English Subject At Secondary Level in District Rawalpindi, Pakistan. *Indian Journal of Science and Technology*, 12(6).
- Awang, A.H., Hamzah, A., Ismail, R. & Uli, J. (2008). *Kemahiran Bolehkerja: Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih*. Universiti Putra Malaysia.
- Awang, M., Zakaria, M. E., & Ismail, R. (2018). Hubungan persekitaran fizikal bilik darjah dan kesejahteraan dan keselesaan pembelajaran dan pengajaran. *Management Research Journal*, 7, 86-99.
- Baharom, M. H., & Abd Majid, R. (2017). Teachers' Perception on Social Skills of Students with Visual Impairments and its Relations with Academic Achievements. *Jurnal Penelitian dan Pengembangan Pendidikan Luar Biasa*, 4(1), 49-55.
- Bakar, M. N. A., Mustapha, R., & Ibrahim, M. S. (2011). Penilaian Pogram Mata Pelajaran Vokasional (MPV) bagi Bidang Pertanian di Sekolah Menengah Harian Di Semenanjung Malaysia. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bakar, N. H. A., Yusof, F. H. M., & Abd Hamid, M. (2020, March). Implementation of Teach Programs in The Mathematical Pedagogy to The Students with Autism. *International Conference on Special Education in South East Asia Region 10th Series 2020*, 306-316.
- Bardin, J. A. & Lewis, S. (2019). A Survey of the Academic Engagement of Students with Visual Impairments in General Education Classes. *Journal of Visual Impairment & Blind*, 102(8), 472-483.
- Basarahim, B. (2008). *Kemahiran Menvisualisasi Ruang Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Khas (Cacat Pendengaran) Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Bullock, M. (2015). What Makes a Good Teacher? Exploring student and teacher beliefs on good teaching. *Rising Tide*, 7(1), 1-30.

- Buntat, Y. & Mat Nasir, N. S. (2011). Faktor-faktor yang mendorong kreativiti di kalangan pelajar, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2(1), 175-208.
- Che Ahmad, C. N., Noh, N. M., Adnan, M., Putih, M., & Ibrahim, M. H. (2013). Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap keselesaan pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 6, 0.
- Che Ahmad, C.N., Mohamed Noh, N., Adnan, M. & Puteh, M. (2014). Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap Keselesaan Pengajaran dan Pembelajaran. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Che Ahmad, C.N., Shaharim, S.A. & Yahaya, A. (2016). *Kesesuaian Persekitaran Pembelajaran, Interaksi Guru-Pelajar, Komitmen Belajar Dan Keselesaan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Biologi*. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia (JPSMM UPSI)*, 6 (1), 101-120.
- Che Ahmad, C. N., Shaharim, S. A., & Yahaya, A. (2019). The Level of Teacher-Student Interaction, The Suitability of Learning Environment, Learning Commitment and Learning Comfort Among Biology Students. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 6(1), 101-120.
- Che Kob, C.G., Osman, M.Z. & Abd Ghafar, N.F. (2018). Kompetensi Tenaga Pengajar Dalam Pengajaran Amali Pembuatan Perabot di Malaysia. *Sains Humanika 10*: 3-3, 25–32. e-ISSN ISSN: 2289-6996.
- Chien, L.S., Mohd Saat, R. & Loke, S. H. (2015). The Knowledge of Teaching – Pedagogical Content Knowledge (PCK). *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, 3(3), 40–55.
- Cooper, J.M. (2006). *Classroom Teaching Skills*. New York: Houghton Mifflin Company.
- Darusalam, G. & Hussin, S. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Edisi 2, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Easterbrooks, S. R., & Baker, S. K. (2002). *Language learning in children who are deaf and hard of hearing: Multiple pathways*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Elias, H., Mahyuddin, R., & Phie, Z. A. L. (2005). *Competencies needed by teachers: Implications for best teaching practices*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Gani, M.S., Paim, L., Haron, S.A. & Lee Abdullah, M.F.N. (2013). *Buku Panduan Pembinaan Instrumen: Anda dan Kepenggunaan*. Tanjung Malim, Perak: Emiritus Publication.

- Gosman, M., Nazarudin, M.N., Noordin, Z., Saharin, A. & Saili, S.R. (2020). Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Peranan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES) Vol. 4 Special Issue 1*. eISSN 2550-2158.
- Häfner I., Flunger B., Dicke, A.L., Gaspard, H., Brisson, B.M., Nagengast, B., Trautwein, U. (2018). The Role of Family Characteristics for Students' Academic Outcomes: A Person-Centered Approach. *Child Development*, 89(4),1405-1422.
- Hair, J.F. et al. (2009). *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*. 7th ed. Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Haidir, H. (2016). *Kompetensi Guru Sekolah Menengah dalam Mereka Bentuk Rancangan Pengajaran*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamdan, A.R. & Hussin, M.K.A. (2013). Persepsi Guru Aliran Perdana Terhadap Inklusif. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2015)*.
- Hamdan, S. R., Kusdiyati, S., Khasanah, A. N., Djamhoer, T. D. (2021). Early Detection of Children with Special Needs by Educators. *International Journal of Pedagogy and Teacher Education*, 5(2), 54-65.
- Harun, Z.N.M. (2014). *Kompetensi Guru Dalam Pengajaran Amali Reka Bentuk dan Teknologi Di Sekolah Rendah di Daerah Batu Pahat*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Hashim, M.H.M. (2010). Intergrating Vocational Stream in Secondary School: A Qualitative Case Study. *Journal of Technical Education and Training*, 2, 25-40.
- Hasan, M.F., Abdul Kadir, S. & Asimiran, S. (2013). Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2). 1-9.
- Ibrahim, R. & Talib, L.A. (2019). Teachers' Acceptance towards the Inclusive Education Program for Students with Hearing Impairment. *Journal of ICSAR*, 3(1).
- Isa, M.H.M. (2014). *Persepsi Guru Terhadap Keperluan Kemahiran Vokasional Pelajar dan Keupayaan Mengajar dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Pembelajaran*. Universiti Putra Malaysia.
- Jelas, Z. M. (2000). Perceptions of inclusive practices: the Malaysian perspective. *Educational review*, 52(2), 187-196.

- Jelas, Z. M., Salleh, N. M., & Ali, M. M. (2010). Developing the Foundations of Inclusive Education through University-School Partnership. *International Journal of Learning*, 17(6).
- Jia Chzin, D. and Surat, S. (2021) "Sorotan Literatur Bersistematik: Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137 - 157.
- Johari, N. S. (2017). *Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Solat Murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Daerah Hulu Langat*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Jeanne, L.N. (2004). Transforming The Physical Environment for Learning. *ProQuest Educational Journals* 36(5), 62-63.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Model Holistik Murid Berkeperluan Khas*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kvande, M. N., Bjørklund, O., Lydersen, S., Belsky, J. & Wichstrøm, L. (2018). Effects of special education on academic achievement and task motivation: a propensity-score and fixed-effects approach. *European Journal of Special Needs Education*.
- Khalil, N.I. (2015). *Kesediaan Guru Arus Perdana Melaksanakan Program Inklusif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kim, Y. (2009). Minority parental involvement and school barriers: Moving the focus away from deficiencies of parents. *Educational Research Review*, 4, 80–102. <http://dx.doi.org/10.1016/j.edurev.2009.02.003>
- Ku Ahmad, R. (2006) *Hubungan Antara Kepimpinan, Komitmen Guru, Kompetensi Guru, Amalan-amalan Terbaik Dan keberkesanan Sekolah*. PhD. thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Lee Abdullah, M.F.N., Gani Hamzah, M.S., Che Ahmad, C.N., Adnan, M., Mohamed Noh, N. & Suhaimi, S. (2014). Pembinaan Instrumen Amalan Pentaksiran Guru Matematik Sekolah Menengah S. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 4 (1).
- Lee Abdullah, M.F.N.L. & Leow, T.W. (2017). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: 14(1)*, 211-265.

- Liong, K.T. & Mohd Yasin, M.H. (2019). Sumbangan Ciri Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pendengaran Terhadap Pencapaian Matematik. *Malaysian Journal of Education, Special Issue, 4*, 21-30.
- Low, S.F., (2011). *Pembinaan dan Pengujian Model Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Klang*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Maalip, H., Yahya, A., Koay, T. Y., Rathakrishnan, B., Maakip, I., Ahmad, H., Ali, Z.M. & Ahmad, N. (2020). Pembentukan Modal Insan: Hubungan Konsep Kendiri, Personaliti, dan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Southeast Asia Psychology Journal 8*(2), 103-122.
- Mahamud, I.Y., Che Hassan, N. & Mohd Fakhruddin, F. (2018). *Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Anak di Rumah dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)*. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi (e-JPI)*, 5 (1), 42 - 62.
- Mahmood, T., & Gondal, M. B. (2017). Effect of school environment on students' achievement: cross comparison of Urdu and English medium classes in Punjab province. *Pakistan Journal of Education*, 34(1).
- Mahyuddin, R. & Elias, H. (2002). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Masingan, C. & Sharif, S. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPIK) Guru Bukan Pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Science and Humanities, Volume 4*, 64-71.
- Masnan, A. H., & Radzi, N. M. M. (2015). Pengetahuan persediaan pengajaran guru prasekolah baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4, 90-108.
- Mat Saad, A., Nik Yusoff, N.R. & Mohammad Yassin, R. (2011). Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan dan Kursus dalam Perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education 3*(1), 123-124.
- Md Harun, Z.N. (2014). *Kompetensi Guru dalam Pengajaran Amali Reka Bentuk dan Teknologi Di Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat*. Tesis Master. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Miles, S. & Singal, N. (2010) The Education for All and inclusive education debate: conflict, contradiction or opportunity?, *International Journal of Inclusive Education*, 14:1, 1-15, DOI: [10.1080/13603110802265125](https://doi.org/10.1080/13603110802265125)
- Mohamad Hamim, M.A.F. (2017). *Kompetensi Guru Reka Cipta dalam Bidang Elektrik di Sekolah Menengah Harian di Johor*. Tesis Master. Fakulti

Pendidikan Teknik dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Mohamad Razali, H.A., Arifin, Z. & Zainal, H. (2016). Analisis Item Ujian Tahap Penguasaan Ilmu Nahu Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Jurnal Al-Anwar, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*, 2(2). 1-22.
- Mohamad Saad, N.M., Baharuddin, J. & Ismail, S.N. (2017). Hubungan Antara Tahap Kompetensi Fungsional Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan. *Proceedings of the ICECRS, 1 (1)*. pp. 199-208. ISSN 2548-6160
- Mohamed, J.K.A. (2005). *Pendidikan Khas Untuk Kanak-kanak Istimewa*. Pahang: PTS Professional.
- Mohamed Razali, A.B. (2013). *Malaysian Teachers' Conceptions and Uses of Digital Technology in English Writing Instruction: A Multiple Case Study*. Doctoral dissertation. Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses.
- Mohd Amin, N. & Mohd Yasin, M.H. (2016). Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke-6*.
- Mohd Nor, S.N. (2015). *Faktor-faktor Kesediaan Guru Arus Perdana dalam Mengendalikan Murid Program Pendidikan Inklusif*. Tesis Sarjan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Yasin, M.H., Toran, H. & Shaari, S. (2008). Pelaksanaan Program Inklusif di Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Harian. *EDUCATIONIST*, 2(1).
- Muhammad, K., & Wan Mahmud, W. A. (2010). Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Autistik Di Sebuah Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*.
- Mustapha, R. (2012). *Prinsip Kepada Pendidikan Teknikal dan Vokasional*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nasir, A.N.M., Ahmad, A., Udin, A., Wahid, N.H.A. & Noordin, M.K. (2018). Competency Level of Technical Knowledge for Electronic Lecturers in Vocational College, Malaysia. *Advanced Science Letters* 24 (4), 2796-2798.
- Nind, M., Rix, J., Sheehy, K. & Simmons, K. (2005). *Ethics and Research in Inclusive Education: Values into Practice*. London: Routledge Falmer.

- Noor, M.Y.M. (2005). *Persepsi Ibu Bapa dan Guru Terhadap Hubungan Sosial Pelajar-pelajar Khas Bermasalah Pembelajaran di Kelas Pendidikan Inklusif*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar, N.H., Abdul Manaf, A. & Ayob, A.S. (2012). Pengujian Model Gaya Keibubapaan Baumrind ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Social Science and Humanities*, 7(10), 105-120.
- Othman, N. & Abdul Rahman, K.A. (2010). *Hubungan Antara Kompetensi Pensyarah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*, 1-9.
- Othman, S.A., Azman, N. & Mohd Ali, M. (2008). Faktor Ibu Bapa dalam Kecemerlangan Akademik Pelajar Pekak: Kajian Kes Retrospektif. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 5.
- Podunge, R., Rahayu, M., Setiawan, M. & Sudiro, A. (2019). Teacher Competence and Student Academic Achievement. *Advances in Economics, Business and Management Research*, volume 144.
- Puteh, S. N., & Salam, K. A. A. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25-34.
- Primus, V. & Mosin, M. (2021). Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Murid Berkeperluan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 59 - 68.
- Ramaiah, M.A. (2018, Oktober 6). *Minggu Kesedaran Disleksia Sedunia 2018: Perlukan Transformasi*. *Utusan Online*. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/10/482454/saranan-tumpu-50-minit-pada-murid-disleksia>.
- Ramalingam, S., Maniam, M., & Karuppanan, G. (2019). Parents Involvement in Selangor Tamil School Students' Academic Achievement [Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Tamil di Selangor]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 308-333. <https://doi.org/10.33306/mjssh24>.
- Rashid, N.A.A. (2015). *Hubungan Antara Personaliti dan Faktor Persekitaran Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar*. <https://www.academia.edu/15744502/>
- Razali, N. (2013). *Tahap Prasarana Pendidikan dan Persekitaran Pembelajaran di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi*. Tesis Master. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Roslan, N.K.N. & Wahab, H.A. (2017). Pencapaian Akademik Pelajar Kurang Upaya Penglihatan Yang Mengikuti Program Pendidikan Khas. *Journal of Social Administration*, 9(1): 45-64.

- Royo, M.A. & Mahmood, H. (2011). Faktor-Faktor Kelemahan yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang dalam Mata Pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2, 145-174.
- Saad, A.M., Yusoff, N.R.N. & Yassin, R.M. (2011). Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan dan Kursus dalam Perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 123-124.
- Sahaat, Z. & Mohamad Nasri, N. (2020). Cabaran Pelaksanaan Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 51–59.
- Salleh, M.J., Kamin, M., Loven, C.L., Henry, J.F. & Rubin, M. (2012). Kajian Terhadap Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah. *Labuan International Conference on Educational Research (LICER 2012)*.
- Salleh, A. (2003). Orang Cacat Masih Terpinggir. Utusan Malaysia. <http://utusan.com.my>.
- Salim, E.J.H. & Mazjub, R. (2009). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah: Tinjauan di beberapa tadika swasta di daerah Curug, Tangerang, Indonesia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*, 219-238.
- Sekaran, U. (2000). *Research methods for business: A skill-building approach* (3rd ed.). New York: Wiley.
- Seman, I. (2009). *Keberkesanan Program Inklusif*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Terbuka Malaysia.
- Shaari, S. (2005). *Pengurusan Program Pendidikan Inklusif di Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Harian*. Universiti Sains Malaysia.
- Shaffeei, K. (2019). *Pembangunan Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran bagi Persediaan Sijil Kemahiran Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sriadhi. (2015). The Effect of Exploratory Multimedia Learning Towards Learning Outcomes of Electrical Power Generation Based on Difference of Students' Spatial Ability. *Journal of Education Science*, 1.
- Sharif, N.M. (2015). *Meninjau Persepsi Guru-guru Arus Perdana Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Inklusif*. Projek Akhir. Universiti Kebangsaan Malaysia. Shulman, L.S., (1987). *Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform*. Harvard Educational Review, 5, 1-22.

- Steinmayr, R., Meißner, A., Weidinger, A.F., & Wirthwein, L. 2014. *Academic achievement*. <https://www.oxfordbibliographies.com>.
- Sudakhuthulla, S.K. (2007). *Analisis Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran dan Pembelanjaan Kos Pengajian Tinggi Serta Implikasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar UKM*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman, A.A. & Omar, S.R. (2018). Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran di Malaysia Satu Tinjauan *International Seminar on al-Quran in Contemporary Society*, 15-16.
- Syed Jaafar, S.A. (2014). *Kompetensi Guru dalam Pengajaran Amali Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tahir, L.M., Mustafa, N. Q. & Yasin, M.H.M. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, 73–87.
- Tan, R., Zainal Abidin, N., Hamzah, A. & Mohd Fakhruddin, F. (2013). Pengaruh Faktor Psikososial Ke Atas Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia IPTA di Malaysia. *Jurnal Personaliti Pelajar*, 18, 55-64.
- Veloo, A., Komuji, M. M. A., & Khalid, R. (2013). The effects of clinical supervision on the teaching performance of secondary school teachers. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 93, 35-39.
- Vellymalay, S.K.N. (2017). Kerjasama pihak sekolah dan penglibatan ibu bapa India dalam pendidikan anak di sekolah kebangsaan. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 131–151. <http://dx.doi.org/10.21315/apjee2016.31.8>
- Vejian, G., Kamarudin, N. & Abdul Kadir, S. (2016) School creative climate: factors influence fostering creativity school. *International Journal of Education and Training*, 2 (1), 1-5.
- Wan Ngah, W.S., Abdul Ghani, K. & Lubis, A. (2014). Persekitaran Pembelajaran Kefahaman Bacaan Bahasa Arab dalam Kalangan Murid j-QAF. *Online Journal of Islamic Education*.
- Wan Kamaruddin, W.N. & Ibrahim, M.S. (2010). Lecturer Efficacy, Profesional and General Competencies of Malaysian Polytechnic Technical Lecturers. *Proceedings of the Regional Conference on Engineering Education & Research in Higher Education 2010. Kuching, Sarawak, 7-9th June 2010*, 27-32.
- Yahaya, A. & Madavan, N. (2006). *Faktor-faktor Lepak dan Hubungan Keibubapaan di Kalangan Remaja di Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Yahaya, A. & Shahrudin, S.A. (2008). *Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Dan Pelajaran Di Dalam Bengkel Vokasional Di Dua Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan*. *Journal of Science & Mathematics Education*,1-16.
- Yusof, A.M., Ali M.M.& Salleh, A.M. (2014). Employability of Vocational School Leavers with Disabilities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 112, 1064 – 1069.
- Yip, V. W. Y., Chan, K. K. H., Yung, B. H. W., & Lai, C. (2018). Preparing teachers for reform-oriented teaching using the thematic approach of reviewing videos. *Video-based research in education: Cross-disciplinary perspectives*, 260-274.
- Zahari, Z. (2010). *Hubungan antara Kecerdasan Pelbagai dengan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup UTM*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.